

Headline	DUA SYARAT NAD ZAINAL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	41to43	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2252 cm <sup>2</sup>
Journalist	FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA	AdValue	RM 19,580
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,741



# nab HIR

Segalanya Hiburan

Jumaat 11 Oktober 2013



DUA syarat yang dikemukakan pelakon Nad Zainal kepada pihak produksi yang ingin mengambilnya berlakon. Apakah dua syarat tersebut? Hakikatnya, bukan niat Nad ingin berlagak diva dengan syarat tersebut tetapi kerana dia enggan ia mengganggu konsentrasinya lakonannya.

# DUA SYARAT NAD ZAINAL

Headline	DUA SYARAT NAD ZAINAL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	41to43	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2252 cm <sup>2</sup>
Journalist	FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA	AdValue	RM 19,580
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,741



# Nad bukti diri tidak jahil

**L**UMRAH menjadi seorang selebriti apabila kehidupan peribadi tidak lagi menjadi privasi, sebaliknya perlu dikongsi dengan peminat mereka.

Perihal mengenai kekasih, bercinta malah berkahwin biarpun pada hakikatnya payah untuk dikongsikan selebriti tersebut. Namun, itulah hakikat yang perlu dihadapi mereka selepas mengambil keputusan untuk melangkah ke dunia glamor.

Perkara yang sama turut dialami pelakon kecil molek, Nad Zainal. Biarpun pada mulanya kehadirannya bersih daripada sebarang kontroversi, namun sejak kebelakangan ini nama Nad acap kali disebut-sebut seiring dengan lakonan-lakonannya yang mula mendapat perhatian peminat.

Ini terutamanya selepas berlakon dalam drama bersiri *Bukan Bidadari* dan juga *Kampung Girl*.

Bermula isu diboikot segelintir wartawan kerana sukar memberi kerjasama apabila perihal peribadi dicungkil. Nad kemudiannya berdepan pula dengan isu bersekedudukan dengan teman lelakinya, Azman Kombos selain meninggalkan lokasi penggambaran kerana enggan berlakon bersama bekas kekasih iaitu Amar Ashraf yang kini sudah bergelar suami kepada suri hatinya, Arna Salleh.

Mengulas mengenai perkara

itu, Nad atau nama sebenarnya Farah Nadia Zainal Abidin mengakui, sebagai selebriti yang sedang meningkat naik, soalan ruji mengenai kontroversi yang melanda dirinya perlu dihadapi dan dijawab olehnya.

"Sebagai selebriti saya perlu menghadapi segala kontroversi yang melanda. Saya kena menghadapinya untuk memberi jawapan sebenar," jelasnya ketika ditemui pada sesi fotografi di Studio Utusan, Kuala Lumpur bersama pelakon Shah Iskandar dan Ika Nabila untuk drama terbaharu mereka, *Seindah Sabarmu* bagi siaran TV9.

Menyambung bicara, pelakon berusia 23 tahun itu menegaskan tidak pernah bersekedudukan dengan teman lelakinya. Hakikatnya, Azman sekadar menghantarnya pulang selepas menjalan penggambaran sehingga lewat malam.

Atas alasan melihat kelibat Azwan menghantar Nad lewat malam ke rumah, pasangan itu dituduh bersekedudukan.

"Padahal, saya bukan tinggal bersendirian. Saya tinggal bersama ibu bapa dan mana mungkin kami boleh bersekedudukan," luahnya yang sudah menjalin hubungan

cinta selama tiga tahun bersama kekasihnya yang baharu bernaung di bawah syarikat pengurusan MIG itu.

Jelas mengenai perkara tersebut, Nad kemudiannya memperkatakan tentang isu meninggalkan set lakonan drama bersiri *Kampung Girl* selepas didapati bekas kekasihnya iaitu Amar Ashraf turut berlakon dalam drama tersebut.

## Tidak selesa

Kesal kerana tidak bertanya terlebih dahulu barisan pelakon drama tersebut, Nad akui kesilapannya meninggalkan set penggambaran dan telah memohon maaf kepada pengarah mengenai tindakannya itu.

Disoal mengenai profesionalisme dirinya sebagai pelakon kerana enggan berlakon di samping bekas kekasih akibat kenangan yang pernah diciptakan mereka selama ▶▶

FIGURA genit ini melakonkan watak ustazah dalam drama bersiri, *Seindah Sabarmu*.



MAHU bergelar isteri sebelum usia mencecah 30 tahun, Nad bagaimanapun menyerahkan jodohnya kepada Tuhan.

NAD turut mengulas tentang kontroversi yang dialami rakan artis, Aerial Zafrel dan Wawa Zainal.

Headline	DUA SYARAT NAD ZAINAL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	41to43	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2252 cm <sup>2</sup>
Journalist	FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA	AdValue	RM 19,580
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,741

◀ ini. Ungkap Nad yang merupakan bekas pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) itu, biarlah orang anggap dia tidak profesional asalkan lakonannya tidak nampak kaku kerana tidak selesa berlakon dengan hero drama *Setia Hujung Nyawa* itu.

“Saya mahu berlakon betul-betul. Kalau berlakon dengan dia (*Amar*), saya tidak boleh fokus. Saya tidak mahu berdepan dengan situasi yang membuatkan diri tidak selesa.

“Ia akan memberi kesan kepada mutu lakonan kerana saya akan kaku berlakon di sampingnya,” luah Nad yang enggan memperincikan kenapa mengalami perasaan begitu bersama bekas kekasihnya.

Perkara yang sama turut dialami Nad apabila berlakon dengan kekasihnya, Azwan Kombos.

Kata Nad, dia juga sudah meletakkan syarat tidak mahu berlakon dengan kekasihnya biarpun tawaran banyak mahu menggandingkan mereka.

Tegas Nad, dua syarat itu sahaja yang diletakkan atas faktor pendiriannya. Jauh sekali untuk berlagak diva atau mencipta kontroversi.

“Selama enam tahun berlakon, saya tidak pernah buat hal dengan produksi, malah pihak produksi juga faham dengan permintaan saya ini. Cuma, silap saya kerana terlepas pandang barisan pelakon untuk drama yang membitkan *Amar* itu,” bicaranya lagi.

### Tidak sorok

Sudah lama menjalin hubungan cinta, Nad disua pula soalan mengenai perkahwinan. Ujar Nad, dia baru berusia 23 tahun dan belum lagi memikirkan mengenai perkara itu (kahwin).

Bagaimanapun, pelakon berasal dari

Kajang, Selangor itu meletakkan sasaran untuk berkahwin sebelum usianya menginjak 30 tahun.

“Saya juga berserah pada jodoh. Kalau jodoh saya dalam masa terdekat juga saya terima. Namun, harap-harap saya berkahwin sebelum berusia 30 tahun,” akunya.

Rentetan kontroversi pelakon Aeril Zafrel yang berkahwin sorok-sorok dengan pelakon Wawa Zainal dan didakwa mempunyai anak turut ditanya kepada Nad.

Ini kerana bukan pasangan itu, malah ramai lagi selebriti yang mengambil tindakan serupa (berkahwin senyap).

Bagi Nad, dia akan beritahu jika berkahwin kelak. Sebab apa, dia sedar hakikat peminat di Malaysia yang tidak menyenangi sikap artis yang buat hal dan cuba berselindung.

“Lebih elok jika seseorang artis itu memberitahu peminat bahawa dia sudah berkahwin. Jangan fikir kenyataan itu akan

menjejaskan periuk nasi mereka.

“Lihat sahaja seperti pelakon Fasha Sandha yang mengakui sudah berkahwin. Walaupun sudah berkahwin, dia tetap mendapat banyak tawaran berlakon,” jelas Nad.

### Pandai mengaji

Terbaharu, Nad bakal muncul dalam drama bersiri *Seindah Sabarmu* untuk slot *Ratu* di TV9. Drama yang menampilkan pelakon Shah Iskandar dan Ika Nabila itu bakal ditayangkan setiap hari Selasa dan Rabu mulai 15 Oktober ini.

Bercerita mengenai drama 14 episod itu, ujar Nad, dia membawakan watak seorang ustazah bernama Syafikah yang pandai mengaji dan marhaban.

Biarpun wataknya berat kerana perlu

mengaji dan marhaban, Nad membuktikan yang dirinya mampu melakukan tanpa menggunakan suara orang lain.

“Saya tidak mahu menggunakan suara orang lain ketika mengaji dan marhaban. Saya mahu lakukannya sendiri. Orang selalu cakap artis jahil agama.

“Jadi, saya mahu buktikan yang saya bukan begitu,” tegasnya yang sejak kecil dititikberatkan oleh neneknya untuk mengaji dengan berlagu.

👉 **Saya tidak mahu menggunakan suara orang lain ketika mengaji dan marhaban. Saya mahu lakukannya sendiri. Orang selalu cakap artis jahil agama. Jadi, saya mahu buktikan yang saya bukan begitu** 🗨️  
— NAD

### Trivia

- Filem pertama Nad Zainal iaitu *Kami Histeria* akan ditayangkan di pawagam pada tahun hadapan. Filem itu menampilkan ramai nama-nama besar seperti Diana Danielle, Nur Fazura, Sara Ali, Mila Jirin dan Izzue Islam.
- Nad kini sedang menjalani penggambaran drama *Elly & Epit* untuk musim kedua. Selain itu, dia juga bakal muncul dalam drama di bawah produksi filmscape untuk slot cerekrama di samping pelakon Beto Kusyairy.
- Nad mengidam untuk membawa watak seorang tokoh atau seniwati seperti Latifah Omar.
- Nad sedar diri kelebihannya adalah berlakon drama berbanding filem kerana dia tidak yakin filem lakonannya mampu dijual.

Headline	DUA SYARAT NAD ZAINAL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	41to43	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2252 cm <sup>2</sup>
Journalist	FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA	AdValue	RM 19,580
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,741



Headline	DUA SYARAT NAD ZAINAL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	41to43	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2252 cm <sup>2</sup>
Journalist	FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA	AdValue	RM 19,580
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,741



**TIDAK** kalis dengan kontroversi, Nad pernah ditohmah bersekedudukan dengan kekasihnya, Azwan.